

Letup tak dapat 'kutu'

HM
31/7

Suri rumah gagal bayar wanita RM6,000 kena 'bom'

>>Oleh Siti Azila Alias

am@hmetro.com.my

NIBONG TEBAL: Seorang suri rumah yang tinggal di Taman Tangling, Simpang Ampat, dekat sini, tidak menyangka letupan kuat yang didengari ketika tidur jam 3.30 pagi Sabtu lalu adalah dari luar rumahnya.

Mangsa yang bangun dua jam kemudian terkejut mendapati seekor anak anjing miliknya yang baru seminggu dilahirkan mati selain sebuah kerusi plastik didapati pecah.

Kejadian dipercayai berlaku gara-gara mangsa gagal melunaskan wang 'kutu' berjumlah RM6,000.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Su-

perintendan Shafien Mamat berkata, wanita berusia 46 tahun itu yang takut di atas insiden berkenaan membuat laporan polis.

Menurutnya, anggota polis dengan dibantu unit forensik yang melakukan siasatan di tempat kejadian menemui kesan bahan letupan, dipercayai mercun bola digumpal banyak sehingga menghasilkan percikan api dan bunyi kuat.

Berdasarkan siasatan awal, mangsa didapati berhutang wang 'kutu' RM6,000 dengan seorang wanita dan gagal menyelesaikannya. Mangsa juga memberitahu pernah menerima ancaman daripada wanita berkenaan seminggu sebelum kejadian yang mengugut mahu mencedera-

kannya.

"Justeru, kejadian awal pagi Sabtu lalu itu mungkin mempunyai hubung kait dengan ugutan terbabit bagaimanapun, suspek dilihat terlah sasaran apabila bahan letupan itu terkena anak anjing di luar rumah menyebabkan anjing itu mati," katanya.

Shafien berkata, berikutan kejadian, pihaknya menahan seorang wanita berusia 44 tahun di rumahnya di Simpang Ampat tujuh jam selepas kejadian.

Menurutnya, wanita itu direman sehingga semalam bagi membantu siasatan.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 428 kerana melakukan pencerobohan dan 507 Kanun Keseksaan kerana ugutan jenayah.